

# PATUHI STANDARD KESELAMATAN ANTARABANGSA?

Senior Harlan 01/11/2018 MSU2

**S**ebelum insiden pesawat JT 160 terhempas dan meragut kesemua 189 penumpang, Lion Air pernah dikenakan larangan terbang di ruang udara Kesatuan Eropah (EU) antara 2007 dan 2016.

Lion Air dan kesemua syarikat penerbangan Indonesia juga dilarang terbang di ruang udara Amerika Syarikat (AS) selama sembilan tahun sehingga 2016.

Keputusan itu dibuat berdasarkan penilaian pihak berkuasa penerbangan di AS dan EU terhadap standard keselamatan kebangsaan dengan piawaian antarabangsa.

Rekod kesemua syarikat penerbangan di Indonesia kini dilaporkan 'bersih'.

Mereka biasanya membuat penilaian itu berdasarkan negara dan menyediakan maklumat kepada penumpang yang mahu memastikan jika penerbangan dipilih mereka berada dalam senarai hitam keselamatan.

## SKALA 1 ATAU 2?

Pentadbiran Penerbangan Persekutuan yang mengendalikan Program Penilaian Keselamatan Penerbangan Antarabangsa atau IASA adalah untuk memastikan syarikat penerbangan mematuhi standard ditetapkan Pertubuhan



Sesetengah syarikat penerbangan dikatakan tidak mematuhi piawaian antarabangsa.

Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO).

IASA membuat penilaian ke atas negara terlibat berdasarkan lapan kriteria termasuk undang-undang penerbangan, peraturan operasi, sistem penerbangan awam dan fungsi pengawasan keselamatan, kelayakan kakitangan dan latihan serta bagaimana ia menangani situasi keselamatan.

Keputusannya yang dikemaskini secara berkala berdasarkan penarafan 1 atau mematuhi standard ICAO atau 2 iaitu tidak mematuhi piawaian ditetapkan.

Negara yang gagal mematuhi standard adalah Bangladesh, Curacao, Ghana, Sint Maarten dan

Thailand.

Untuk menyemak status negara terbabit boleh melayari [www.faa.gov/about/initiatives/iasa/media/IASAWS.xlsx](http://www.faa.gov/about/initiatives/iasa/media/IASAWS.xlsx) yang membuat senarai berdasarkan kategori diberikan ICAO.

## BAGAIMANA DENGAN PERATURAN EU?

Senarai Keselamatan Udara EU meluluskan atau mengenakan larangan terbang di ruang udara rantau itu adalah berdasarkan kriteria ditetapkan ICAO termasuk prosedur perlesenan kakitangan, operasi pesawat, perkhidmatan navigasi udara, siasatan kemalangan dan undang-undang penerbangan sesebuah negara.

## 2013

- 16 Oktober - 49 termasuk warga asing dari 10 negara maut selepas pesawat ATR 72-600 terjunam di Sungai Mekong ketika ia cuba mendarat
- 17 November - Pesawat Boeing 737, Tatarstan Airlines terhempas ketika cuba mendarat di Kazan, Rusia dan mengorbankan kesemua 50 penumpang

## 2014

- 11 Februari - Pesawat pengangkut tentera, Hercules C-130 membawa 78 penumpang terhempas di kawasan pergunungan di timur laut Algeria. Terdapat seorang penumpang selamat
- 8 Mac - Pesawat MH370 yang membawa 227 penumpang 'hilang' ketika ia dalam perjalanan dari Kuala Lumpur ke Beijing
- 17 Julai - Pesawat MH17 ditembak jatuh berhampiran Grabove di timur Ukraine dan meragut nyawa kesemua 298 penumpang
- 23 Julai - 48 penumpang maut apabila pesawat ATR-72 milik TransAsia Airways terhempas di laut ketika cuaca buruk
- 24 Julai - Pesawat AH5017 milik Air Algerie hilang di ruang udara Mali akibat cuaca buruk berhampiran sempadan Burkina Faso. Kesemua 116 penumpang maut


## 2015

- 24 Mac - 148 penumpang terbunuh apabila pesawat Germanwings, Airbus A320 terhempas di pergunungan Alps berhampiran Digne ketika dalam perjalanan dari Barcelona ke Dusseldorf
- 30 Jun - Pesawat Hercules C-130 milik tentera Indonesia terhempas di kawasan kediaman di Medan dan meragut 122 nyawa termasuk 19 penduduk
- 28 Disember - Pesawat AirAsia, QZ8501 dari Surabaya ke Singapura yang membawa 162 penumpang terhempas di Laut Jawa


## 2016

- 19 Mac - Pesawat FlyDubai, Boeing 737-800 terhempas di Rostov-on-Don dan mengorbankan kesemua 62 penumpang

Rekod Kematian untuk penerbangan komersial yang dijadualkan



Rekod kemalangan maut untuk penerbangan komersial dijadualkan



Lion Air dikeluarkan daripada senarai hitam EU pada 2016 manakala syarikat penerbangan Indonesia yang lain 'bersih' daripada rekod itu selepas didapati standard keselamatan mereka telah diperbaiki.

Pengguna juga boleh menyemak senarai itu melalui [ec.europa.eu/transport/modes/air/safety/air-ban\\_en](http://ec.europa.eu/transport/modes/air/safety/air-ban_en) yang menyenaraikan 114 syarikat penerbangan dari 15 negara termasuk Afghanistan, Eritrea dan Nepal yang dilarang terbang di ruang udara EU.

## Tahukah Anda

- Persatuan Pengangkutan Udara Antarabangsa yang mewakili 290 syarikat penerbangan atau 82 peratus trafik udara melaporkan kadar kemalangan adalah 1.08 per 1 juta penerbangan pada 2017
- Penerbangan komersial antarabangsa dan domestik merangkumi lebih 100,000 penerbangan berjadual sehari atau 35 juta penerbangan setahun
- Perjalanan menaiki kereta dianggarkan 100 kali ganda lebih berbahaya berbanding menaiki pesawat
- Menunggang motosikal adalah 3,000 kali ganda berisiko malah pengangkutan seperti kereta api adalah dua kali ganda berbahaya seperti menaiki pesawat

INFOGRAFIK: SINAR HARAPAN/EPIC SUMBER: ICAO

- 19 Mei – Bekas presiden Perancis, Francois Hollande mengesahkan pesawat EgyptAir yang membawa 66 penumpang dan dilaporkan hilang antara Paris dan Kaherah terhempas
- 28 November – Pesawat membawa pasukan kelab bola sepak Brazil, Chapecoense kehabisan minyak dan terhempas berhampiran Medellin, Colombia dan meragut 71 nyawa termasuk pemain dan pegawai pengurusan
- 7 Disember – Kesemua 48 penumpang yang menaiki Pakistan International Airlines (PIA) terbunuh dalam nahas di utara negara itu
- 25 Disember – Pesawat tentera Rusia, Tu-154 terhempas di Laut Hitam dan menyebabkan kesemua 92 penumpang termasuk artis dan wartawan terkorban.

## 2017 - Tiada kemalangan pesawat

### 2018

- 11 Februari – Pesawat Antonov An-148 milik Saratov Airlines yang membawa 71 penumpang terhempas tidak lama selepas ia berlepas dari Lapangan Terbang Domodedovo
- 18 Februari – Pesawat Aseman Airlines terhempas di kawasan pergunungan Zagros di Iran dan mengorbankan kesemua 66 penumpang
- 12 Mac – Pesawat membawa 71 penumpang dan kru terhempas ketika mendarat di lapangan terbang Kathmandu dan menyebabkan 49 maut
- 11 April – Sebuah pesawat tentera terhempas tidak lama selepas ia berlepas berhampiran Algiers dan meragut nyawa 257 penumpang kebanyakannya tentera dan keluarga mereka
- 18 April – Seorang wanita maut selepas hampir disedut keluar selepas serpihan objek dari bahagian enjin Southwest Airlines 737 meletup lalu memecahkan tingkat pesawat
- 18 Mei – Pesawat Boeing 737 terhempas tidak lama ia berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Marti di Havana dan menyebabkan 112 maut dan seorang penumpang terselamat